



## KENYATAAN MEDIA

### KAEDAH PEMEROLEHAN PEMARKAHAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH TAHUN 2021

**Kementerian Pendidikan, Berakas / Sabtu, 9 Oktober 2021** – Berikutan situasi semasa pandemik COVID-19 yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan kadar kes positif harian di negara ini masih lagi ditahap yang membimbangkan, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama serta nasihat Kementerian Kesihatan juga akan berterusan memberi perhatian berat kepada kesejahteraan dan keselamatan warga pendidikan.

Sehubungan itu, merujuk permakluman yang dibuat semasa sidang media pada hari Isnin, 27 September 2021 mengenai penjadualan semula tarikh Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2021, Kementerian Pendidikan telah menilai semula cadangan untuk mengadakan Penilaian Sekolah Rendah bagi Tahun 2021 yang dijadualkan berlangsung pada 15 November 2021.

Ini adalah berikutan situasi penularan pandemik COVID-19 yang pada masa ini masih membimbangkan serta mengambil maklum langkah-langkah baru yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan yang lain dalam usaha memutuskan rangkaian dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan para pelajar khususnya Pelajar Tahun 6 yang mana bagi Tahun 2021 ini terdapat 6151 pelajar berada pada Tahun 6 dan akan mengikuti Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan para pelajar serta tenaga pengajar Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Sekolah-Sekolah Swasta, pihak Kementerian Pendidikan telah membuat penilaian secara menyeluruh dengan mengadakan penilaian risiko dan mengadakan kaji selidik kepada para ibu bapa dan penjaga pelajar serta para guru Tahun 6 dalam mengendalikan peperiksaan ini dengan mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan para pelajar serta tenaga pengajar yang terlibat.

Melalui penelitian ini dan mengambilkira keselamatan serta kesejahteraan para pelajar, dimaklumkan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Penilaian Sekolah Rendah bagi Tahun 2021 yang dijadualkan bermula pada 15 November 2021 ini untuk **dilaksanakan secara Kaedah Alternatif iaitu *School Assessed Marks* atau SAM.**

Kaedah *School Assessed Marks* atau SAM ini merangkumi markah pelajar-pelajar sepanjang tahun 2021 yang dicatat melalui Penilaian Kendalian Sekolah (*School Based Assesment*). Pihak sekolah akan menyediakan *portfolio* untuk setiap pelajar. *Portfolio* berkenaan mestilah mengandungi dua (2) jenis *substantial work* pelajar. Jenis-jenis *substantial work* adalah seperti berikut:

- i. Penilaian/ ujian/ peperiksaan menggunakan kertas soalan peperiksaan lalu yang lengkap mengikut jumlah komponen mata pelajaran.
- ii. Kombinasi soalan-soalan yang diambil dari kertas peperiksaan yang lalu mengikut format kertas soalan PSR yang lalu.
- iii. Kertas soalan Ujian Kelayakan.
- iv. Kombinasi kertas soalan *Topical Test*.

Pemilihan jenis tugas yang akan dimasukkan dalam *portfolio* ini adalah tertakluk kepada ketetapan pihak sekolah masing-masing.

Pihak Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan, Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pendidikan Swasta bersama Pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam akan menyelaraskan pemberigaan dan perincian pelaksanaan *School Assessed Marks* ini dengan pihak sekolah, guru-guru yang berkenaan dan juga ibu bapa serta penjaga pelajar.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan akan memastikan nilai dan integriti penilaian SAM ini adalah adil, sah dan saksama di mana penilaian SAM akan melalui proses *Quality Assurance* (Jaminan Kualiti).

Di kesempatan ini, Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua warga sekolah khususnya guru-guru, ibu bapa / penjaga di atas sokongan dan kerjasama dalam memastikan kelancaran pembelajaran pelajar-pelajar khususnya yang menghadapi Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2021.

Untuk sebarang pertanyaan, para ibu bapa bolehlah berhubung terus kepada sekolah masing-masing atau menghubungi Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan di talian 2380630/2380776 semasa waktu bekerja atau melalui emel [exam.dept@moe.gov.bn](mailto:exam.dept@moe.gov.bn) atau [ibtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn](mailto:ibtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan oleh:**

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Pendidikan

Negara Brunei Darussalam

Tel: 2381301

Emel: [feedback@moe.gov.bn](mailto:feedback@moe.gov.bn)

Laman Web: [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn)

Twitter: MoEducation\_BRN

Instagram: moe\_brunei

Facebook: Ministry of Education Brunei Darussalam

**Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/74**

**Tarikh: 2 Rabiulawal 1443H / 9 Oktober 2021M**